

29/08/2000

Salah pilih jurusan punca menganggur

PEMILIHAN jurusan yang betul dan sesuai dengan kehendak pasaran pekerjaan dan keperluan negara dapat mengelakkan kekosongan jawatan tidak diisi dalam pelbagai jabatan kerajaan dan swasta.

Antara bidang yang masih kekurangan dan memerlukan ramai tenaga kerja ialah teknologi maklumat (IT) dan sektor teknikal seperti kejuruteraan, elektronik dan elektrik. Semua bidang ini amat diperlukan dalam era globalisasi dan ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi).

Akibat daripada kesilapan memilih jurusan, kebanyakan pelajar yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing sukar mendapat pekerjaan kerana kemahiran yang ada pada mereka tidak dapat memenuhi keperluan majikan atau industri ketika itu.

Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Asyraf Wajdi Datuk Dusuki, berkata pelajar perlu memberi perhatian kepada keperluan tenaga mahir dalam lapangan tertentu dan menyertainya bagi memudahkan mereka mendapat pekerjaan kelak.

Katanya, pelajar perlu mengambil kira faktor itu bagi mengelakkan mereka menganggur selepas tamat pengajian, sekali gus menjadikan mereka rakyat yang tidak produktif dan gagal menyumbang kepada pembangunan negara.

"Nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya pelajar tidak tersalah memilih jurusan memperlihatkan keprihatinan beliau kepada golongan pelajar supaya mereka lebih berhati-hati dalam merancang masa depan, terutama ketika negara sedang menuju kemajuan dalam bidang teknologi maklumat," katanya.

Meskipun begitu, katanya, nasihat itu perlu dilihat dalam konteks lebih meluas dan diperbaiki segera kerana ia datangnya daripada pemimpin utama negara.

Beliau berkata, dalam keghairahan memenuhi jawatan kosong dalam bidang baru yang diterokai, masih ada bidang lain yang memerlukan pembentukan ilmu seperti falsafah dan ketamadunan Melayu yang tidak berteraskan kepada pasaran kerja.

"Pasaran pekerjaan lebih menjurus kepada bidang yang mengikut suasana sedangkan ilmuan dilihat dalam konteks kita ingin membina tamadun. Kita juga perlukan generasi yang mempunyai kekuatan ilmu kerana kita ingin membina negara maju mengikut acuan sendiri," katanya.

Asyraf berpendapat, ramai pelajar akan bersetuju kerana tidak dinafikan mereka juga mempunyai pemikiran yang sama dan melihat masa depan daripada bidang yang mempunyai prospek pekerjaan.

Jika dulu soal minat atau tidak minat menjadi perkara pokok dalam memilih jurusan di universiti, kini mereka perlu bertanya semula kepada diri sama ada bidang itu mempunyai masa depan atau tidak.

Menurutnya, cara pemikiran yang berubah mengikut keadaan tetap memerlukan keseimbangan dalam apa juga bidang dan di situlah pentingnya unsur kepelbagaian.

"Contohnya, mereka yang mengambil jurusan Usuluddin atau Syariah apabila tamat belajar akan mengisi kekosongan guru sekolah agama. Jika nilai ini ditanamkan sedemikian rupa, pemikiran mereka tidak akan berkembang.

"Tetapi, jika pelajar ini diberi kemahiran dalam bidang lain seperti kemahiran IT menerusi kursus jangka pendek, keadaan terlalu tertumpu pada satu bidang pekerjaan akan berubah dan akhirnya membuka banyak peluang baru," katanya.

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sumber Manusia

boleh menyediakan platform ke arah mencapai hasrat itu.

Setiausaha Agung Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM), Roshanizam Suhaimi, pula berkata sekiranya benar wujud senario pelajar tersalah memilih jurusan, adalah menjadi tanggungjawab pihak universiti memberi bimbingan kepada mereka.

Begitu juga dengan bentuk kursus yang ditawarkan, sewajarnya dikaji semula bagi memenuhi kehendak bidang pekerjaan yang popular dalam pasaran sekarang.

"Sekarang, apa yang ditawarkan, itulah yang dipohon oleh pelajar dan ada kalanya mereka tidak dapat jurusan yang dipohon, sebaliknya diberikan bidang lain.

"Bagaimana kita hendak menyalahkan pelajar sedangkan tangan mereka juga terikat dengan dasar yang ditetapkan kerajaan," katanya.

Sungguhpun begitu, Roshanizam berkata, terserah kepada pelajar untuk memastikan masa depan mereka dalam bidang pekerjaan yang terjamin.

Bagi memastikan pelajar tidak mensia-siakan kemahiran yang ada, mereka perlu fleksibel dan berdaya saing dalam merebut setiap peluang yang ada.

"Jangan bergantung kepada kelulusan atau terlalu memilih pekerjaan, sebaliknya sentiasa berusaha. Jika bidang yang kita ambil tidak menjanjikan pekerjaan, kita beralih ke bidang lain.

"Pokok pangkalnya keinginan kita untuk melabur waktu menimba ilmu demi mendapat keuntungan lebih besar sebab kerja ada di mana-mana asalkan kita tahu cara merebutnya," katanya.

(END)